

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**
- TARIKH** : **13 MAC 2014 (KHAMIS)**
- SOALAN** : **Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan baru-baru ini TEKUN telah membuat pertukaran kakitangan secara besar-besaran di seluruh negara dengan alasan bagi mengelakkan rasuah dan penyelewengan. Bagaimana Kementerian dapat memastikan tindakan pertukaran kakitangan boleh diatasi dengan kes rasuah dan salah guna kuasa.**
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Pertukaran warga kerja adalah merupakan salah satu polisi yang terkandung di dalam Skim Perkhidmatan TEKUN Nasional dan ianya selari dengan Pelan Integriti TEKUN Nasional.

Penempatan seseorang warga kerja di sesuatu pejabat Kawasan Parlimen adalah selama 3 tahun dan selepas tempoh tersebut, pengurusan TEKUN Nasional boleh membuat penempatan baru bagi warga kerja tersebut sebagai satu pusingan kerja dan di samping ia membantu dalam meningkatkan prestasi kerja. Dengan pelaksanaan Sistem Pusingan Kerja, ia juga akan menyekat ruang dan peluang untuk berlakunya amalan rasuah dikalangan pegawai-pegawai tersebut.